

**DRAF TEKS KHUTBAH SEMPENA  
HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN**

**TAJUK :**

**“GURU DIKASIHI MASYARAKAT DIBERKATI”**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ  
أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Pada hari yang berbahagia ini, saya mengambil ruang dan peluang ini untuk berpesan dan mengingatkan diri saya dan kalian semua, marilah sama-sama kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh, kita buat apa yang disuruh oleh Allah SWT dan kita tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan kepatuhan, ketundukan dan rasa takut kita kepada-Nya, Allah akan memberikan kita kehidupan yang sejahtera, bahagia serta ceria dunia dan akhirat. Mimbar jumaat kita pada hari ini akan menyentuh tentang tajuk yang cukup istimewa iaitu “**Guru Dikasihi Masyarakat Diberkati**”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

16 Mei adalah tarikh bermakna buat semua insan yang bergelar guru dan seluruh masyarakat kerana dapat menyambut hari guru di tanahair Malaysia yang aman damai ini, sekaligus dapat mengingati, menghargai dan meraikan para guru dengan penuh makna. Tidak kiralah siapa pun yang pernah mendidik kita, tidak kira apa bangsa atau agamanya, mereka tetap guru kita. Dialah yang mengajar kita membaca, menulis dan mengira supaya kita menjadi insan yang terbilang. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk kita mengiktiraf sumbangan dan jasa guru terhadap agama, bangsa dan negara bertepatan dengan tema yang dipilih pada kali ini **GURU PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN**. Dengan erti kata lain guru adalah agen perubahan pendidikan dari zaman ke zaman.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Pepatah melayu berbunyi “**orang berbudi kita berbahasa ,orang memberi kita merasa**’; begitulah bayangan cantiknya budaya orang melayu dan indahnyanya sopan santun yang diterapkan. Justeru Agama Islam amat menitikberatkan soal akhlak seorang murid terhadap gurunya. Para ulama sering mengingatkan kita peri pentingnya seseorang murid mengasihi gurunya. Mereka turut menyatakan cara menunjukkan kasih sayang kepada para guru, antaranya ialah;

### **Pertama : Menghormati guru**

Para sahabat merupakan golongan yang paling dekat dengan Rasulullah SAW dan mereka cukup menghormati baginda Nabi SAW sebagaimana hadis daripada Abu Sa’id Al-Khudri ra berkata;

**كنا جلوساً في المسجد إذ خرج رسول الله فجلس إلينا  
فكأن على رؤوسنا الطير لا يتكلم أحد منا**

Maksudnya:

Saat kami sedang duduk-duduk di masjid, maka keluarlah Rasulullah SAW kemudian duduk di hadapan kami. Maka seakan-akan di atas kepala kami terdapat burung. Tak satu pun dari kami yang berbicara” (HR. Bukhari).

Ulama juga menceritakan kisah Imam Syafie menghormati gurunya. Suatu hari, sedang beliau memberi kuliah kepada ribuan pelajarinya, masuklah seorang Badwi yang amat comot serta amat busuk sekali. Melihat sahaja badwi itu masuk, Imam Syafie lantas berhenti daripada memberi kuliah dan mendekati badwi itu serta memeluknya dengan erat. Tergamam anak muridnya melihat perlakuan Imam Syafie itu.

Selesai sahaja memberi kuliah, maka bertanyalah anak muridnya kepada Imam Syafie mengapa beliau memeluk badwi tersebut. Imam Syafie berkata bahawa walaupun badwi itu busuk dan comot, tetapi badwi itu ialah gurunya. Sebab itu dia memeluk badwi tersebut sebagai cara menghormati guru. Makin terpegun pelajar-pelajarinya apabila diberitahu tentang badwi yang jahil itu menjadi guru Imam Syafie.

Jawab Imam Syafie, "Pada suatu hari, sedang aku menulis kitab fekah, aku mempunyai satu masalah iaitu bagaimanakah hendak mengenali dan membezakan diantara anjing yang cukup umur dengan anjing yang belum cukup umur. Lalu aku fikir tentu badwi tahu kerana badwi banyak memelihara anjing untuk mengawal kambing-kambing mereka.

Aku pun bertanya hal tersebut kepada badwi yang aku peluk tadi. Badwi itu menerangkan bahawa anjing yang cukup umur mengangkat sebelah kaki belakang apabila kencing, manakala anjing yang tidak cukup umur tidak mengangkat kakinya bila

kencing. Dengan panduan badwi itulah, maka aku dapat menyiapkan kitabku itu."

Begitulah ceritanya. Walaupun terlalu sedikit jasa badwi itu kepadanya, Imam Shafie amat menghargainya dan menghormati sehingga menggelarnya sebagai guru.

**Kedua : Mendoakan kebahagiaan buat guru-guru, sama ada yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia.**

Doa merupakan tanda sayang yang cukup hebat daripada insan kepada insan lain, kerana taqdir Allah taala boleh berubah melalui doa yang mustajab;

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يَرُدُّ الْقَضَاءَ إِلَّا الدُّعَاءُ  
وَلَا يَزِيدُ فِي الْعُمُرِ إِلَّا الْبِرُّ

(الترمذي)

Makksudnya :

Tidak ada yang dapat menolak taqdir (ketentuan) Allah Ta'ala selain do'a. Dan Tidak ada yang dapat menambah (memperpanjang) umur seseorang selain (perbuatan) baik.

**Sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian**

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyusun pelbagai agenda atau program dalam usaha memartabatkan pendidikan ditanah

air ini setanding dengan pendidikan diperingkat global. Dalam memacu tranformasi pendidikan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang digubal, tugas guru bukan sekadar menjadi **Mudarris** (pendidik), tetapi guru juga sebagai **mua'llim** (penyampai yang benar), sebagai **murabbi** (pengasuh dan pendidik anak-anak dengan kasih sayang), sebagai **muaddib** (pembentuk adab dan akhlak anak-anak), dan sebagai **mursyid** (pembimbing ke arah kebenaran).

Guru juga mestilah pandai bergaul, bijak menyantuni jemaah atau dengan kata lain “Hidup Bermasyarakat”. Apabila terjun dalam hidup bermasyarakat maka lebih besarlah impak yang boleh diwujudkan dalam masyarakat tersebut. Selain menyantuni anak-anak murid, guru turut perlu bergaul dengan ‘orang luar pagar sekolah’. Mereka ini orang yang paling hampir dengan kita seperti jiran tetangga, ahli KRT, geng surau, geng memasak, *group* memanah dan sebagainya. Mereka inilah yang lebih dikenali sebagai masyarakat. Bergaullah dengan mesra hidupkan suasana keikhlasan dalam pergaulan tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda baginda :

مَنْ أَصْبَحَ وَالدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمَّهُ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ ،  
وَمَنْ لَمْ يَتَّقِ اللَّهَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ ، وَمَنْ لَمْ يَهْتَمَّ  
لِلْمُسْلِمِينَ عَامَةً فَلَيْسَ مِنْهُمْ - (المستدرک علی الصحیحین للحاکم)

Maksudnya :

Sesiapa yang pada pagi hari mengutamakan urusan keduniaan maka bukanlah dia daripada golongan yang diredhai Allah. Sesiapa yang tidak

bertaqwa kepada Allah maka bukanlah dia daripada golongan yang diredhai Allah dan sesiapa yang tidak mengambil berat di atas urusan orang muslimin maka bukanlah dia dari kalangan mereka.

Lihatlah tokoh-tokoh ulama nusantara seperti Prof.Hamka, Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi, Tok Kenali dan ramai lagi, mereka telah mencurahkan bakti dalam menyampaikan ilmu dan bergiat aktif dalam masyarakat. Kesenambungan usaha mereka itu sewajarnya diteruskan oleh generasi pendidik masa kini.

### **Sidang Jumaat yang dihormati,**

Tanggungjawab mendidik anak-anak kita bukanlah terpikul atau terbeban di atas bahu guru-guru di sekolah semata-mata bahkan Ibu bapa serta ahli masyarakat sewajarnya memainkan peranan secara bersama. Guru dan ibubapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) haruslah memanfaatkan medan rasmi ini untuk menjana idea dan menyelesaikan masalah.

Konsep Sarana ibubapa merupakan titik permulaan dalam pendidikan yang berterusan. Guru mendidik anak-anak di sekolah manakala Ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak diberikan kasih sayang dan perhatian secukupnya di rumah. Asuhan dalam mendirikan solat secara istiqamah, membaca, memahami serta menghayati isi kandungan al-Quran perlu dititik beratkan. Ia selari dan bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan “sarana ibubapa” dan “sarana sekolah” sebagai inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibubapa, komuniti dan sektor swasta ke arah bersatu dan menyokong satu matlamat iaitu membantu murid untuk berjaya.

Justeru, sempena **Hari Guru** yang disambut setiap tahun, kita perlu sentiasa mengenang jasa guru yang banyak membantu agama, bangsa dan negara. Hal ini bertepatan dengan saranan Baginda SAW yang mengajar umatnya agar sentiasa ringan mulut untuk mengucapkan 'terima kasih' kepada sesiapa sahaja yang berbakti kepada mereka. Sesungguhnya segala amal bakti seorang guru dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada anak didiknya akan melayakkan dirinya mendapat ganjaran kebaikan, meskipun setelah pergi menghadap ilahi.

### **Sidang Hadirin Sekalian**

Mengakhiri khutbah pada hari ini mimbar menyeru, marilah kita nyatakan kasih sayang kita terhadap guru-guru melalui tindakan berikut:

- Pertama:** Ziarahilah guru jika berpeluang dan bertanya khabar tentang mereka dengan gunakan media sosial yang ada seperti *whatsApp*, telegram, *facebook* dan lain-lain.
- Kedua:** Amalkan ucapan terima kasih kepada guru-guru dan semua insan yang pernah menabur bakti dan budi kepada kita.
- Ketiga:** Berkomunikasilah dengan lemah-lembut dan jangan sekali-kali menyakiti hati guru.
- Keempat:** Wujudkan Alumni sekolah dan hulurkan sumbangan mengikut kemampuan masing-masing kepada institusi pendidikan yang pernah berjasa kepada kita suatu masa dahulu.



Akhirnya buat insan guru, teruslah istiqomah dengan penuh keikhlasan dan kesabaran dalam menyampaikan ilmu kepada anak bangsa mudah-mudahan akan diberi ganjaran oleh Allah s.w.t. Firman Allah dalam surah al-Jumu'ah ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ  
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي  
ضَلَالٍ مُّبِينٍ .

Bermaksud :

Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan Hikmah (As Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata,

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Disediakan oleh;

**Panel Penulis Teks Khutbah Hari Guru 2018**

Bahagian Pendidikan Islam

Kementerian Pendidikan Malaysia

Rujukan: **Ustaz Mohamed Zamri Bin Basir (0198871197)**